

23/11/1998

Keangkuhan AS singgung perasaan rakyat

Thomas Teh Tai Yong

SAYA adalah pelajar berusia 17 tahun. Memang saya tidak terbabit dalam agenda politik atau aktiviti perniagaan, tetapi seorang yang menganggap dirinya sebagai orang kedua Amerika Syarikat (AS) sudah menyinggung perasaan jutaan rakyat Malaysia termasuk saya dalam ucapannya Isnin lalu.

Persefahaman kebudayaan adat dan tatasusila antara kita menjadikan Malaysia sebagai rumah tercinta kita. Tanpa ragu, kita boleh berdiri dan memberitahu dunia bahawa kita bangga sebagai anak Malaysia.

Naib Presiden AS, Al Gore dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Isnin lalu, secara jelas menunjukkan sokongan penuhnya terhadap gerakan reformasi di negara ini.

Ini juga membuktikan bahawa sebagai seorang ahli politik, dia tidak tahu membezakan antara forum ekonomi dan pentas politik antarabangsa.

Pemikiran beliau terlalu cetek untuk memahami kebudayaan, cara hidup dan etika harian kita sebagai rakyat Malaysia.

Kita ada saluran yang sistematik untuk meluahkan perasaan. Lebih-lebih lagi, gerakan itu diulangi berkali-kali dan ternyata ia adalah gerakan antikerajaan. Slogan memburukkan nama Malaysia menjatuhkan maruah kita.

Pada hari seterusnya ramai pemimpin dunia dan tempatan dengan sekeras-kerasnya mengecam tindakan Gore itu. Tetapi malangnya, keangkuhan dan kejahilan masih membutai pemikirannya. Gore masih degil dengan pendiriannya yang dianggap oleh orang ramai sebagai biadab dan kurang ajar. Adakah Gore sedar bahawa suaranya hanya mewakili 5,000 orang penunjuk perasaan berbanding 22 juta rakyat Malaysia? Ia hanya membabitkan kurang daripada 0.03 peratus rakyat negara ini. Adakah dia mengambil tahu mengenai perasaan 99.7 peratus rakyat yang selama ini bersabar?

Apabila kita kaji mengenai sistem demokrasi kita sering dikaitkan dengan istilah majoriti, pelajar darjah satu pun tahu maknanya kerana negara kita mengamalkan sistem ini dalam semua peringkat masyarakat selama ini. Hujahnya "Kuasa Rakyat, Doi Moi, Reformasi. Kita dengar pada hari ini di sini, sekarang suara daripada 0.03 peratus rakyat Malaysia yang dikatakan 'berani'.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan nilai ini dengan melayan delegasi AS walaupun sikap mereka biadab.

Tidak bolehkah Gore belajar daripada Perdana Menteri kita ataupun seluruh rakyat Malaysia?

Sebagai ahli politik, dia seharusnya tahu akan etika diplomasi antarabangsa yang tidak mencampuri urusan dalaman negara lain. Lebih-lebih lagi negara merdeka dan berdaulat.

Gore, jangan jejakkan kakimu selagi anda belum mempelajari adat cara dan kebudayaan kita terutama pada masa dan di tempat yang salah.